

23 OCT 2003

MAHATHIR-NIAGA/I

DR MAHATHIR KATA DAGANG DENGAN TIMOR LESTE PUNYAI POTENSI BESAR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

DILI, 23 Okt (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata banyak boleh dilakukan untuk memperluaskan perdagangan antara Malaysia dan Timor Leste, yang kini berada pada tahap rendah.

Perdana Menteri berkata, keseluruhan perdagangan Malaysia dengan Timor Leste berjumlah AS\$390,000 dalam 2002.

Eksport dari Malaysia, bernilai AS\$310,000, terdiri daripada peranti elektronik, peralatan telekomunikasi, peralatan dan barang ganti serta minuman.

"Potensi untuk meningkatkan perdagangan bilateral adalah baik, dengan mengambil kira hubungan rapat dan ekonomi yang saling melengkapi yang berkaitan dengan tahap pembangunan kami," katanya di dialog perniagaan Timor Leste-Malaysia di sini sempena lawatan rasmi tiga hari beliau di sini.

Kira-kira 40 orang ahli perniagaan Malaysia dan 100 orang rakan perniagaan dari Timor Leste menghadiri dialog itu.

Dr Mahathir yang sedang dalam lawatan pada hari kedua di sini berkata, masyarakat perniagaan boleh melihat peluang yang lebih besar untuk memperluaskan aliran perdagangan ketika Timor Leste membina semula ekonominya.

Sedang kerajaan Malaysia melaksanakan bahagiannya bekerjasama dengan Timor Leste dalam proses pembangunannya, beliau berkata, sektor swasta Malaysia turut digalakkan melabur di negara ini yang mencapai kemerdekaan dalam Mei, 2002.

Malaysia kini menduduki tangga pelabur kedua terbesar di negara pulau ini.

Dr Mahathir berkata, lebih daripada 90 syarikat Malaysia telah melabur di Timor Leste di dalam bidang seperti hotel dan restoran, juruperunding dan perkhidmatan perakaunan, teknologi maklumat, perkhidmatan bantuan guaman, pengangkutan dan perkhidmatan mekanikal, pekhidmatan perkapalan, tenaga, perniagaan dan aktiviti perdagangan am.

Katanya, Malaysia mengambil minat usaha kerjaan Timor Leste dalam menarik pelaburan asing.

"Menggalakan pelaburan asing langsung (FDI) merupakan strategi penting bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia," kata Dr Mahathir.

Katanya, Malaysia bersedia mengongsi pengalamannya mempromosikan FDI dengan Timor Leste, sambil menyatakan bahawa negara ini berminat menarik penyertaan asing dalam perikanan, minyak dan gas, pembinaan semula infrastruktur seperti pelabuhan dan jalan raya, pembinaan dan kejuteraan awam dan aktiviti pembuatan ringan.

Sejak mencapai kemerdekaannya, Timor Leste telah mencapai kemajuan besar dalam perancangan, keupayaan pembinaan dan menyediakan institusi dan struktur yang penting.

"Kami juga gembira untuk menyatakan bahawa anda juga mempunyai Visi 2020 sendiri untuk memberi panduan melalui proses pembinaan negara," kata Dr Mahathir.

"Malaysia sangat percaya keupayaan negara-negara untuk berdiri atas kaki sendiri tetapi juga memahami bahawa proses itu dapat dimudahkan melalui sokongan dan galakan daripada negara-negara yang mempunyai kemahiran yang serupa yang mempunyai keinginan berbuat demikian.

"Dalam hubungan ini, Malaysia komited untuk bekerjasama dengan Timor

Leste dalam proses pembinaan semulanya.

"Kami berada di sini ketika anda dalam proses mewujudkan negara anda dan kami akan terus bekerjasama dalam usaha pembangunan ekonomi anda," katanya.

Katanya, 124 pegawai Timor Leste telah menjalani latihan di dalam bidang pentadbiran, pelaburan dan diplomasi di Institut Tadbiran Awam (INTAN) dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.

Malaysia juga telah melatih 29 belia Timor Leste dalam pelbagai bidang, termasuk teknologi pembinaan, teknologi fabrik, percetakan, automotif, pembuatan perabot dan perkhidmatan elektrik. -- BERNAMA

AZZ AHH SHY AHM